



English | Malay | Mandarin | | Español

🏠 [TENTANG BERNAMA](#) [AM](#) [POLITIK](#) [EKONOMI](#) [SUKAN](#) [RENCANA](#) [DUNIA](#) [E-NEWSLETTER](#) [WEB TV](#) [ARKIB](#) [INFOGRAFIK](#)

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerbangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#) • [eBiz](#) Berita Who's Who

EKONOMI > BERITA

Serba Dinamik Sasar 20 IKS Sertai Program Pembangunan Vendor Bumiputera

Tarikh kemaskini: 05/02/2018



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan SDHB, Datuk Dr Mohd Abdul Karim Abdullah.

JOHOR BAHRU, 5 Feb (Bernama) -- Serba Dinamik Holdings Bhd (SDHB) menyasarkan 20 syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) untuk terlibat dalam Program Pembangunan Vendor Bumiputera (PPVB) bagi projek Taman Perindustrian Eko Pengerang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan SDHB, Datuk Dr Mohd Abdul Karim Abdullah berkata, ia akan memberi peluang kepada syarikat IKS Bumiputera terlibat di dalam sektor minyak dan gas, selain pendedahan mengenai industri berkenaan.

"Pembinaan Kompleks Bersepadu Pengerang, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan Terminal Laut Dalam Pengerang oleh Petroleum Nasional Berhad tentunya akan membuka lebih banyak peluang kepada syarikat pembekal dan perkhidmatan dan kita mahu memberikan peluang ini kepada IKS tempatan.

"Kita akan mulakan dengan 20 syarikat IKS dan jika peluang perniagaan untuk SDHB bertambah, Insya Allah kita akan menambah bilangannya," katanya kepada pemberita selepas selepas mengadakan taklimat PPVB Johor di sini, hari ini.

Mohd Abdul Karim berkata, fokus utama PPVB adalah untuk mendidik dan membangunkan IKS Bumiputera di Johor agar dapat bersaing dalam industri minyak dan gas.

"Melalui program PPVB ini, kita mahu melahirkan syarikat yang berkualiti di mana mereka mampu bersaing dengan syarikat domestik dan antarabangsa.

"Kita juga akan mengaplikasikan komponen industri 4.0 di dalam projek Taman Perindustrian Eko Pengerang supaya IKS Bumiputera mendapat pendedahan mengenai teknologi baharu ini," jelasnya.

Ogos lalu SDHB menandatangani memorandum perjanjian dengan Izin Budi Sdn Bhd bagi membangunkan projek integrasi perindustrian, perumahan dan komersil di Pengerang.

Projek yang dibangunkan dalam tempoh lima tahun di tapak 6.5 hektar itu mempunyai nilai pembangunan kasar RM1.4 bilion dengan tiga fasa pembangunan.

Antara komponen utama projek berkenaan ialah Pusat Kecemerlangan Global yang meliputi kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih yang dijangka beroperasi pada 2020 selain Pusat Pemeriksaan, Pembaikan dan Penyelenggaraan minyak dan gas yang pertama di Malaysia.

Berita Utama Terdahulu

117 Mangsa Banjir Dipindahkan Di Dua PPS Kota Marudu

Pilih Kerajaan Diyakini Mampu Jaga Kebajikan Rakyat - Najib

2,320 Mangsa Banjir Di Pusat Pemindahan Setakat 8 Pagi

Berita Terkini Lain

PRU14: Shahrizat Sedia Bertanding- **politik**

Serba Dinamik Beli Saham Anak Syarikat Maju Untuk RM24.85 Juta- **ekonomi**

Hafizh Syahrin Sedia Jadi Pelumba MotoGP Pertama Negara- **sukan**

Diari Delhi: Tingkat Usaha Promosi Malaysia Di Selatan Asia- **rencana**

5.2 Magnitude Earthquake Jolts Myanmar- **dunia**

Berita Pilihan Tertinggi

117 Mangsa Banjir Dipindahkan Di Dua PPS Kota Marudu

Tumpuan Kepada Sarawak Hadapi Banjir - Shahidan

PRU14: Shahrizat Sedia Bertanding

iklan

BERNAMA IMAGES
Capturing Headlines, Milestones and History

BERNAMA IMAGES Perkhidmatan Foto Bernama kini mula memperkenalkan produk dan mengusahakan perkhidmatan baru berasaskan foto seperti bahan pameran, bahan penerbitan, foto korwokesyen, kerja digital, cetakan dan grafik, serta liputan majlis korporat.

[>> Senarai Berita](#)

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi
MALAYSIAeBiz *Mingguan*
Versy Bahasa Inggeris

[Laman Utama](#) | [Sitemap](#) | [Hubungi Kami](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan RSS](#)

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 35.0.1 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

[Hubungi kami 03-26939933](tel:03-26939933) | [Emel helpdesk@bernama.com](mailto:helpdesk@bernama.com)

